



**Sahabat Alam Malaysia**  
**Friends of the Earth Malaysia**  
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia  
Tel No: +604 827 6930  
Fax No: +604 827 6932  
Email: foemalaysia@gmail.com  
<https://www.foe-malaysia.org>

Kenyataan Media

21 Mac 2019

### **SAM BIMBANG NASIB NELAYAN SUNGAI KIM KIM**

Sahabat Alam Malaysia (SAM) merasa bimbang terhadap masa depan 250 nelayan yang bergantung hidup kepada hasil tangkapan di Sungai Kim Kim yang teruk dicemari bahan kimia baru-baru ini.

SAM menggesa kerajaan Johor, jabatan serta agensi berkaitan mengambil tindakan segera bagi memulihkan kesan pencemaran tersebut agar hidupan di dalam sungai berkenaan kembali membiak demi kelangsungan hidup nelayan terbabit.

Mengulas laporan akhbar tempatan ( Mingguana Malaysia : 17.3.2019 ) mengenai perkara ini SAM berharap pembelaan sewajarnya diberikan kepada mereka kerana ia menjadi sumber pendapatan utama bagi menyara kehidupan keluarga.

Kampung-kampung nelayan yang teruk terjejas ialah Kampung Teluk Kabung, Kampung Perigi Aceh, Kampung Pasir Putih dan Kampung Gudang Baru. Manakala jenis ikan yang menjadi mangsa pencemaran bahan kimia di sungai ini ialah ikan kitang, ikan selangat, ikan belanak dan ikan belukang.

Menurut Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan Azli Mohd Aziz bahawa lebih 40 laporan polis telah dibuat oleh nelayan-nelayan yang terlibat mengenai air sungai ini menjadi keruh dan ikan mati di dalam sungai berkenaan.

SAM percaya jika keadaan ini tidak diberi perhatian serius dan diambil tindakan dengan berkesan bukan saja ikan di dalam sungai tersebut akan pupus malah para nelayan yang bergantung hidup kepada hasil tangkapan di sungai berkenaan juga akan terputus mata pencarian pada masa akan datang.

Sehubungan itu SAM meminta Jabatan Alam Sekitar (JAS) melakukan pemantauan secara berterusan dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan tegas agar kejadian seperti ini tidak berulang dan Sungai Kim Kim selamat dari sebarang bentuk pencemaran.

Untuk meringankan beban nelayan yang terjejas teruk sumber pendapatan akibat pencemaran ini, SAM mencadangkan supaya mereka diberi pampasan yang setimpal dengan kerugian yang dialami.

S.M.MOHAMED IDRIS  
Presiden  
Sahabat Alam Malaysia